

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI KAUM TANI PARIT JAWA 1870-1900

Rahmat bin Saripan

Rencana ini merupakan suatu tinjauan awal mengenai latar belakang sejarah kaum tani di sebuah pertempatan di pesisiran pantai daerah Muar.¹ Tinjauan ini cuba menjelaskan kedudukan pertumbuhan aspek sosio-ekonomi peneroka-peneroka imigran Jawa sejak mereka bertapak di Parit Jawa pada tahun 1870 sehingga menjelangnya awal abad ke-20. Kajian mengenai sejarah sesebuah masyarakat yang memberikan tumpuan khusus kepada aspek-aspek sosial dan ekonomi abad kesembilan belas memang telah dirancangkan oleh Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia sejak awal penubuhannya tetapi hanya baru-baru ini iaitu pada tahun 1985 suatu koloquium dapat diadakan untuk membincangkan aspek ini dengan agak terperinci dengan sokongan pengkaji-pengkaji bidang ekonomi dan masyarakat. Dalam koloquium tersebut penulis telah menumpukan perhatian kepada aspek peranan golongan agama dalam pentadbiran dan oleh kerana dalam mengkaji perkembangan sejarah masyarakat negeri Johor,² terdapat bahan yang boleh menjelaskan tentang pembangunan sosio-ekonominya, maka dirasakan aspek sejarah sosio-ekonomi juga perlu ditampilkan. Pendekatan yang diambil dalam rencana ini menitikberatkan pertumbuhan sosio-ekonomi yang dilihat dari dalam masyarakat

1

Parit Jawa dipercayai telah dibina sebelum 1871 iaitu tarikh Dato' Bentara Dalam sampai ke Kampung Baru dalam rangka lawatannya ke Bukit Mertajam untuk meninjau kegiatan perlombongan timah di kawasan tersebut. Lihat, Mohammed Fadzil Othman, (ed.) *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, h. 17. Wakil Raja bernama Tuan Andak diberi gelaran Residen, lihat, *Singapore and Straits Directory for 1873, Johore*. Sebelum bandar Maharani dibuka pada tahun 1884, Parit Jawa merupakan pusat daerah Muar. Selepas tahun 1884, Parit Jawa mempunyai seorang Penolong Residen. Lihat Dato' Shukor bin Ismail, *Sejarah Ringkas Muar, Toko Buku Manaf*, Muar, 1984, h. 43, 54 dan passim..

2

Rencana ini sebahagian besar ia berdasarkan kepada kajilidikan di Arkib Negara Malaysia, Kawangan Selatan, Johor Bahru dalam bulan-bulan Mei dan Jun, 1985 dan bulan-bulan yang sama pada tahun 1986 dalam rangkakerja menyiapkan satu kajian mengenai sejarah Parit Jawa sebelum Perang Dunia Kedua.

ini sendiri dan bukannya dari kacamata luar yang cuba menghubungkaitkan perubahan masyarakat dalam konteks ekonomi dunia di samping memaparkan peristiwa-peristiwa yang ganjilisa dalam masyarakat kaum tani.³

Sehingga kini ada dua hasil kajian yang menarik mengenai mukim Parit Jawa. Tulisan yang pertama merupakan sebuah makalah yang telah diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia berasaskan kepada eseи yang telah dihasilkan oleh sekumpulan pelajar sekolah menengah atas untuk peraduan menulis eseи sejarah Malaysia.⁴ Tulisan kedua merupakan sebuah latihan ilmiah yang belum diterbitkan yang telah dihasilkan oleh seorang lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 1985/6.⁵ Kajian pertama banyak bergantung kepada keterangan-keterangan yang diperolehi melalui temubual dengan orang-orang tua di sekitar kampung Parit Jawa di samping sebuah manuskrip yang berbentuk syair dikarang oleh Haji Muhammad Noor bin Abdul Rahman iaitu bapa kepada Haji Simon yang memilikinya.⁶ Kajian kedua merupakan kajian yang lebih bermakna mengenai aspek sosio-ekonomi di

3

Untuk mendapatkan keterangan mengenai sejarah kemasyarakatan yang dilihat dari segi sosio-ekonomi dan penerusan faham kapitalis dalam masyarakat tani, lihat, Amarjit Kaur and Shahril Talib, "The Extractive Economy and the Peasantry: Ulu Kelantan 1900-1940", *Review of Indonesian and Malayan Affairs*, Vol. 15, No. 2, 1981, pp. 32-91. Kaedah penyelidikan sosio-ekonomi dapat dibaca dalam tulisan Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi: Satu Pengenalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.

4

Lihat Khoo Kay Kim, (ed.) *Esei-esei Sejarah Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1982.

5

Zainal Abidin bin Sakiran, "Mukim Parit Jawa Muar, 1860an-1941: Masyarakat dan Perkembangan Sosio-ekonomi", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985/6.

6

Muhammad Noor bin Haji Abdul Rahman, "Shair Abdul Rahman," (SAR) manuskrip (Jawi) yang belum diterbitkan, milik Haji Simon bin Haji Muhammad Noor. Kini berada di dalam simpanan penulis dan sedang dikaji dari segi aspek sejarahnya. Manuskrip ini mengandungi 370 halaman dan setiap halaman mengandungi kira-kira 34 hingga 36 bait dan dalam setiap bait mengandungi sekurang-kurangnya 4 patah perkataan. Manuskrip ini tamat dikarang pada 1327 Hijrah. Pengarangnya lahir pada tahun 1297 Hijrah bersamaan 1878 Masehi. Pada keseluruhnya manuskrip ini merupakan suatu memoir atau riwayat hidup seorang petani yang mengisahkan cerita-cerita mengenai pembukaan Parit Jawa/Padang pada tahun 1870-an dan perkembangannya sehingga menjelang Perang Dunia Kedua.

bawah penyeliaan seorang tenaga pengajar sejarah yang berikhtisas.⁷ Justeru kerana keterlibatan tenaga ilmiah yang berikhtisas, maka kajian kedua merupakan suatu sumbangan yang besar ertiinya dalam perkembangan persejarahan tempatan, teristimewa dalam bidang sosio-ekonomi.

Rencana ini cuba mengemukakan kemungkinan suatu kajian yang lebih komprehensif mengenai sesebuah petempatan kaum tani dalam abad kesembilan belas, iaitu di peringkat awal pertumbuhannya menjelang awal abad kedua puluh. Proses pertumbuhan sosio-ekonomi kaum tani di Parit Jawa dari tahun 1870 sehingga 1941 menampakkan suatu hakikat yang mungkin jarang ditampilkan apabila membicarakan soal pembangunan sosio-ekonomi kaum tani, iaitu bagaimana masyarakat itu dapat digerakkan tanpa bantuan agensi-agensi kerajaan yang membahagi-bahagikan subsidi ataupun syarikat-syarikat dagangan dan perlombongan yang besar yang secara langsung atau tidak langsung menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi mereka. Sebaliknya pembangunan sosio-ekonomi kaum tani di Parit Jawa dijalankan atas dayautama keluarga-keluarga peneroka yang bersemangat waja dan berhijrah bagi membangunkan keluarga-keluarga mereka sebagai kelompok pekebun-pekebun dan peladang-peladang yang mengeluarkan komoditi untuk pasaran.⁸

Pertumbuhan sosio-ekonomi masyarakat Parit Jawa dapat dibahagikan kepada tiga tahap: pertama, pertanian dalam konteks masyarakat tani tradisional yang berperaturan berlunaskan adat dan agama Islam mazhab ahli sunnah wal jamaah; kedua, pertanian dagang yang menitikberatkan pengumpulan modal dan pengeluaran komoditi; ketiga, kemunculan aturan-aturan sosial yang mencirikan kepentingan suaimesra dan kerjasama dengan unsur-unsur ekonomi dan pentadbiran-politik luar dan asing yang menampakkan pengaruh penjajahan British. Tahap pertama bolehlah dimasukkan ke dalam rangkamasa sekitar tahun-tahun 1870 hingga 1900; tahap kedua pula di sekitar tahun-tahun 1901 hingga 1920; dan tahap ketiga di sekitar 1921/2 hingga 1941. Perbincangan rencana ini akan menumpukan perhatian kepada tahap pertama sahaja. Namun begitu perlulah disedari hakikat bahawa tahun-tahun selepas 1900 yang terkandung di dalamnya tahap-tahap kedua dan ketiga menampakkan tahap-tahap perkembangan ekonomi yang menonjolkan keterlibatan yang ketara dalam rangkaian hubungkait ekonomi

⁷

Dr. Mohd. Sarim bin Haji Mustajab telah menulis sebuah tesis kedoktoran falsafah mengenai sejarah Johor berjodol: "The Impact of Colonial Rule in Johor: A Case of Social and Political Adjustment", University of Kent, England, 1986.

⁸

Zainal Abidin, "Mukim Parit Jawa," h. 36-52.

dunia. Dengan ini bererti bahawa kehidupan kaum tani telah mula merasakan kepekaan perubahan keadaan harga pasaran yang turun naik yang ditentukan oleh proses ekonomi sejagat.

Sebelum tahun-tahun 1920-an, iaitu pada tahun 1910, sebelum kaum tani di kawasan ini mengalami kemelesetan ekonomi dunia, negeri Johor telah melaksanakan perundangan tanah dan pentadbiran yang melangkah ke arah suatu permulaan perancangan politik-ekonomi yang menitikberatkan modal termasuk tanah sebagai faktor pengeluaran komoditi yang penting bagi pasaran dunia. Selepas tahun-tahun 1920-an, nampaknya sebahagian besar kawasan tanah gambut di pesisiran negeri Johor termasuk Parit Jawa telahpun diterokai oleh pekebun-pekebun dan peladang-peladang yang mengusahakan tanaman dagangan teristimewa getah. Agak sukar dinafikan hakikat bahawa pekebun-pekebun kecil getah juga telah terlibat dan berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan pasaran dunia antarabangsa. Namun begitu adalah suatu anggapan yang agak kurang tepat sekiranya dikatakan bahawa keadaan ekonomi masyarakat tani adalah bercorak pengeluaran komoditi semata-mata tanpa mengambilkira dan menilai kepentingan usaha-usaha per-ekonomian yang mengarahkan kepada pengeluaran untuk kegunaan saradiri seperti misalnya penanaman padi huma di ladang-ladang mereka. Oleh kerana wujudnya semacam sistem ekonomi duaan di kalangan kaum tani di Parit Jawa di tahap awal pertumbuhannya, maka faktor ini telah sedikit sebanyak melindungi mereka dari terdedah kepada kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi dunia. Corak sistem duaan dalam jalor-jalor pola perkembangan ekonomi di tahun-tahun antara dua peperangan dunia itu dalam konteks mukim Parit Jawa telah menafikan kepentingan fenomena kemelesetan ekonomi dunia yang menonjolkan kerumitan dan kerentan ekonomi bermodal yang mencerminkan proses ekonomi dunia yang berlandaskan kepada bentuk-bentuk matabenda. Sementelah tahun-tahun 1920-an dan awal 1930-an menampilkan suatu zaman yang agak mewah dan lumayan di peringkat mukim, walaupun tidak dinafikan wujudnya apa yang diketahui umum dalam sejarah ekonomi dunia sebagai suatu zaman kemelesetan, khususnya pada awal tahun-tahun 1930-an. Kesan kemelesetan dunia boleh ditinjau dari segi hubungannya yang mantik dan dibuktikan berdasarkan kepada angka-angka statistik tetapi keadaan sebenarnya di peringkat mukim tidak sewajarnya ditarik dari sumber-sumber luaran sahaja tanpa disokong dengan tepat oleh sumber-sumber dalaman. Namun begitu, kaum tani di Parit Jawa tidaklah dianggap sebagai suatu komuniti yang berterusan kebal dari penerusan kemelesetan ekonomi, cuma ianya tidaklah menderita akibat dari krisis ekonomi itu. Sekiranya digambarkan bahawa Parit Jawa merupakan seolah-olah sebuah ladang yang menghasilkan komoditi untuk pasaran

ekonomi dunia, maka pada mantiknya ladang itu tentulah mengalami kemelesetan pada tahun-tahun 1920-an dan awal tahun-tahun 1930-an. Pemeriksaan sumber-sumber sejarah sosio-ekonomi yang lebih terperinci, iaitu di peringkat keluarga-keluarga kaum tani, tahun-tahun tersebut menunjukkan mereka mengecap penghidupan yang agak mewah. Sungguhpun mereka memang tidak mendapat keuntungan yang stabil pada tahun-tahun tersebut, namun mereka masih tertarik kepada keuntungan matabenda yang diperolehi daripada penglibatan secara langsung dalam pertanian dagangan yang mengeluarkan komoditi selepas awal tahun-tahun 1930-an dan seterusnya hingga menjelangnya Perang Dunia Kedua.

Setelah merangkakan corak pertumbuhan sosio-ekonomi di peringkat desa itu, perlu rasanya ditegaskan bahawa usaha pertanian adalah suatu perusahaan yang memerlukan aktiviti yang malar dan kejadian kerjasama yang erat dalam konteks masyarakat yang telah bersebat dengan institusi-institusi atau lembaga-lembaga sosial dan ekonomi disertai pula dengan kemahiran yang tinggi bagi memastikan kejayaannya. Justeru kerana itu, ada semacam kepercayaan atau keyakinan yang kuat terhadap kebolehan diri sendiri serta kesanggupan berdikari dalam usaha menjayakan usahatani di kalangan orang-orang Jawa yang membina Parit Jawa.

Persejarahan Parit Jawa bukanlah bertujuan untuk mencungkil kisah-kisah yang ganjilisa untuk menarik perhatian pembaca semata-mata, tetapi matlamat penulisannya adalah untuk menyumbangkan pengetahuan yang pada hakikatnya benar dan boleh menyumbangkan kepada kefahaman yang mendalam mengenai aspek sosio-ekonomi keluarga-keluarga Jawa yang berjaya di Parit Jawa di zaman awal pembangunannya.

Generasi pertama orang-orang Jawa yang mengusahakan pembangunannya adalah peneroka-peneroka dan anak-anak mereka merupakan generasi kedua iaitu mereka yang telah mengecapi zaman mewah hasil usaha bapa-bapa mereka.⁹ Anak-anak mereka yang masih hidup hingga kini tidaklah ramai tetapi daripada mereka lah dapatnya sumber-sumber sejarah tempatan yang menunjukkan dengan jelas bagaimana sebuah petempatan yang penuh dengan hutan, bukit bukau dan paya telah dirintis, diterokai dan dibangunkan sehingga menjadi kampung-kampung halaman dan pekan-pekan.

Penerokaan di Parit Jawa telah dipimpin oleh seorang pendatang Jawa bernama Jabar berasal dari Kuddus di Jawa Tengah.¹⁰

9

Temubual dengan Haji Anuar bin Bon di rumahnya di Jalan Mahmud, Parit Jawa, pada 13hb. Mei, 1986.

10

SAR, h. 14.

Sebelum Penghulu Jabar menjalankan usaha menebas menebang hutan, beliau telah bertemu dengan orang-orang yang berada di tepi pantai bakal tempat yang dibuka dan mereka yang terdiri dari nelayan-nelayan yang berasal dari Kelantan telah tidak melarang pendatang-pendatang Jawa itu membuka kebun di kawasan pendalamam. Sementelahan pula pada sekitar tahun-tahun 1860-an, kerajaan negeri Johor menggalakkan pendatang-pendatang membuka negeri bagi memakmurkannya.

Semasa Parit Jawa mula digali, dipercayai sekitar tahun 1870, untuk membuang air paya ke laut bagi menyuburkan tanah bagi tanaman kelapa, kopi, pinang, padi huma/tugal dan lain-lain tanaman untuk saradiri, bilangan penduduk di kawasan itu tidak melebihi seratus seorang.¹¹ Kampung asal di mana mereka bermastautin dikenali sebagai Kampung Baru, Padang. Institusi yang terpenting yang telah didirikan ialah sebuah masjid yang menjadi markas kegiatan sosio-keagamaan termasuk pendidikan agama yang menyemaikan asas-asas lunas hidup zaman itu.¹²

Kepentingan sejarah pembukaan Kampung Baru di Padang menunjukkan bahawa sungguhpun kawasan Padang telah diduduki oleh orang-orang Melayu sejak zaman pemerintahan Kesultanan Melaka,¹³ akan tetapi ternyata bahawa pembentukan Kampung Baru yang kemudiannya dikenali dengan nama Parit Jawa telah menjadi pusat pembangunan politik dan sosio-ekonomi kawasan Padang. Sementelahan tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa persejarahan moden negeri Johor seharusnya memasukkan kewujudan Parit Jawa di samping memperkatakan tokoh-tokoh pembangunan terkenal yang telah merangka dasar dan melaksanakan sistem pentadbiran yang mencipta sejarah.¹⁴ Perlu rasanya ditegaskan bahawa di peringkat tempatanlah terdapatnya perincian data-data sejarah negeri yang lebih bersifat mikro yang menjadi landasan-landasan kepada jalinan arus-arus perubahan dan perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang besar-besar.

¹¹

Temubual dengan Haji Anuar, 13hb. Mei, 1986.

¹²

Masjid yang pertama telah dibina di Kampung Baru yang disebut oleh Muhammad Ibrahim Munsyi masih bertaraf "surau", lihat Fadzil, *Kisah Pelayaran*, h. 17.

¹³

Haji Abdul Shukor, *Muar*, h. 26.

¹⁴

Di antara Residen/Penolong yang telah dilantik sebelum awal abad kedua puluh ialah: a) Wan Andak, Wakil Raja/Residen, b) Encik Mahmud bin Dapat, Wakil Raja/Penolong Residen, c) Engku Sulaiman bin Daud, Wakil Raja, dan selepas 1884 menjadi Residen Muar. Haji Jabar pula memegang jawatan Penghulu, Lihat, *Ibid.*, passim.

Dalam masa tiga dekad perkembangannya, Parit Jawa telah berada di ambang fajar pembangunan yang pesat menampakkan dengan jelas potensi kemajuan sosio-ekonomi yang sangat menggalakkan. Kegiatan perusahaan tani yang bermatlamatkan kejayaan cemerlang adalah disebabkan oleh dua faktor penting: pertama, ketekunan (J. telaten) pendatang-pekebun dan peladang Jawa yang membangunkan tempat itu; dan kedua, sikap dan semangat yang kuat serta pantang berputus asa dalam segala usaha mencari rezeki hidup yang halal. Bagi mereka, kerja adalah asas nilai utama yang membangunkan masyarakat dan pencarian rezeki adalah ikhtiar yang memakmurkan masyarakat.¹⁵

Perlu juga diingat bahawa masyarakat kaum tani yang membangun di Parit Jawa pada akhir abad ke-19 adalah sebuah komuniti Islam yang berpegang kepada syariat Islam yang menegaskan kepentingan mencari rezeki atau nafkah hidup sebagai suatu amalan agama yang wajib.¹⁶ Justeru kerana itu penilaian tentang kepentingan faham agama Islam dalam pembentukan asas sosio-ekonomi mungkin dikaitkan dengan pendekatan cara-cara hidup atau *modus vivendi* mereka: dari segi matabenda mereka yang memudahkan usahatani seperti penggunaan tanah yang merekajadikan kampung laman dan kebun, dari segi pengurusan tenaga kerja yang diperolehi dalam konteks keluarga, dari segi aturan-aturan sosial yang diwarisi dan diwujudkan sebagai pemilik-pemilik perusahaan mereka sendiri secara bebas dilaksanakan tanpa sekatan dan halangan dari pihak luar yang menuntut bayaran cukai¹⁷ atau orang tengah yang secara langsung atau tidak, memeras tenaga mereka. Oleh sebab itu bolehlah dikatakan bahawa masyarakat yang terbentuk adalah masyarakat tani yang tidak dikuasai oleh mana-mana pihak luar walaupun dari segi orientasinya, penghasilan tani mereka banyak

15.

Kisah penerokaan Parit Jawa yang paling terperinci setakat ini terdapat dalam SAR, *passim*. Lihat juga, Mohd. Fadzil, *Kisah Pelayaran*, h. 16-17.

16

SAR, h. 94.

17

Kegiatan sosio-ekonomi peneroka-peneroka asal di Parit Jawa banyak dipimpin oleh Penghulu Haji Abdul Jabar berdasarkan lunas-lunas adat dan agama. Peranan Penghulu tradisional dapat diperhatikan dalam surat seorang Penghulu Parit Bakar, Padang yang telah menulis kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian setelah Undang-undang Tanah 1910 dilaksanakan. Lihat, Commissioner of Land and Mines, Johore, (CLM.J) 289/1911, Surat Orangkaya Abu Bakar bin Bedu kepada CLM. J., 8hb Ramadhan, 1329.

juga bergantung kepada keadaan turun naik harga di pasaran komoditi dunia.¹⁸

Pada awal abad kedua puluh, keluasan tanah yang telah diusahakan di Parit Jawa adalah kira-kira dua belas ribu ekar yang sebahagian besarnya adalah tanah paya dan gambut.¹⁹ Dari segi sejarahnya, orang-orang Jawa yang bermastautin di tempat ini telah pun mempunyai tradisi pertanian yang lama dan tidak merasa asing dengan keadaan tanah yang berpaya. Justeru itu mereka telah membuat parit-parit air yang bertujuan untuk mengalirkan air ke laut. Kisah-kisah pembukaannya memang dapat digalorkan berasaskan kepada testimoni-testimoni lisan²⁰ bagaimana pun ada catatan-catatan sejarah yang merujuk kepada zaman awal sejarah Parit Jawa yang mengisahkan bagaimana peneroka-peneroka asal meninggalkan kampung halaman mereka di Pulau Jawa untuk beradu nasib di Singapura.²¹ Gambaran kasar mengenai Singapura dari kacamata pendatang-pendatang pada pertengahan abad kesembilan belas juga terdapat dalam catatan awal itu tetapi apa yang menarik perhatian ialah sikap mereka terhadap kehidupan di bandar besar seperti Singapura itu yang telah memberikan pengalaman pahit sebagai penganggor dan juga pernah menjadi mangsa penipuan dari majikan yang mengambil mereka bekerja sebagai buruh. Mereka adalah anak-anak tani yang lebih mesra dengan pekerjaan di kebun dan ladang. Oleh itu apabila mereka dengan tidak dirancangkan bertemu dengan Penghulu Jabar di Singapura, mereka telah berminat untuk meneruskan usaha ber-

18

Kawasan Padang memang terkenal dengan tanaman kelapa dan pinang pada tahun-tahun 1840-an seperti mana yang tersebut dalam tulisan Abdullah Munsyi, *Hikayat Abdullah*, Jil. 1, Kuala Lumpur, 1963, h. 300. Pada tahun-tahun 1870-an tanaman-tanaman seperti kopi dan lain-lain telah diusahakan sehingga-kan mengikut Muhammad Ibrahim Munsyi, "... kehidupan mereka itu senang belaka kerana laut darat Padang itu berisi, iaitu lautnya banyak ikan dan satu-satu musim, geragau atau udang pepej terlalu banyak, dijadikannya belacan. Cukuplah dengan rumah tangga, dusun, kebun; masing-masing berduit belaka." Mohd. Fadzil, *Kisah Pelayaran*, h. 117-18.

19

General Adviser, Johor (GAJ) 161/1917, Proposed Scheme for Penghulu of Muar.

20

Di antara tokoh-tokoh orang tua yang telah memberikan keterangan mengenai sejarah awal Parit Jawa ialah: a) Tuan Haji Simon bin Muhammad Noor bin Haji Abdul Rahman, seorang bekas Guru Besar, Parit Jawa, lahir pada tahun 1917; b) Haji Tahir bin Haji Abdul Rahman, Parit Jawa, lahir pada tahun 1900; dan c) Puan Som binti Endut, Parit Jawa, berumur kira-kira 70 tahun. Mereka telah ditemui di rumah masing-masing dalam bulan Mei dan Jun, 1986.

21

SAR, h. 8-14.

tani di Padang atas cadangan Penghulu Jabar sendiri yang mengambil mereka sebagai pembantu-pembantu. Penghulu Jabar, Wario (Abdul Rahman) dan Syamsuri adalah di antara tokoh-tokoh peneroka yang telah banyak berjasa membuka lembaran sejarah Parit Jawa, khususnya dalam bidang sosio-ekonominya.²²

Di peringkat awal, pengeluaran hasil tani pekebun-pekebun adalah untuk saradiri tetapi di samping itu mereka juga telah menanam pohon-pohon kelapa, pinang dan kopi secara sulaman bagi mengeluarkan hasil bagi pasaran di Singapura dan Melaka melalui jalan laut dengan menggunakan sekoci (lihat Jadual 1).

JADUAL 1. Barang Eksport Parit Jawa (Ogos, 1872)

Ke Pelabuhan	Jumlah Perahu Besar	Dagangan
Singapura	1	Bijih timah, Buah kundur, Kulit Pari, Berjenis-jenis Ikan kering.
Johor Baharu	1	Buah durian, Pisang tanduk, Kelapa.
Melaka	12	Pinang, Labu dan Penumpang.

Sumber: Mohd. Fadzil Othman, ed., *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, 1980, h. 19.

Menjelang awal abad kedua puluh Penghulu Jabar dan pembantu-pembantunya termasuk Haji Abdul Rahman telah menjadi orang-orang kaya berikutan usaha mereka sebagai pengusaha tani dan peniaga. Haji Samsuri juga boleh menjadi seorang kaya sekiranya beliau menumpukan perhatian pada pertanian dagangan tetapi oleh kerana kekayaan bukannya menjadi matlamat hidupnya maka beliau telah banyak menumpukan perhatian dan masanya kepada ilmu-ilmu keagamaan.²³

Menjelang awal abad kedua puluh, beribu-ribu jalor tanah telah dibuka dan ditanam dengan kelapa, kopi, pinang dan pohon-pohon buah-buahan seperti durian, manggis, duku dan rambutan.²⁴ Sebelum penanaman dapat dilaksanakan dengan berhasil, petani-petani telah melaksanakan pembinaan suatu sistem talair yang agak kompleks

22

Ibid., h. 17-22 dan *passim*.


23

Ibid., h. 40.

24

Ibid., *passim*, Keluasan satu jalor adalah bersamaan dengan sepuluh depa lebar dan seratus depa panjang atau bersamaan dengan tiga per empat ekar.

dengan menggunakan institusi-institusi sosial seperti *gotong royong*, *seraya* dan *kongsi*.²⁵ Luas parit besar yang dipanggil Parit Jawa itu ialah tiga depa (enam meter) yang merentasi tanah paya dari laut ke darat sepanjang tiga kilometer.²⁶



Kawasan Sungai Muar dan Parit Jawa, Johor Sekitar 1880-an

Sumber: Dipadankan dari Peta Muar dan Batu Pahat oleh Datuk Bentara Luar, 1904. (Arkib Negara Malaysia, Cawangan Johor)

Parit ini telah juga digunakan sebagai alat perhubungan dan lazimnya sejenis perahu yang dikenali sebagai *jalor* (dugout) digunakan untuk mengangkut kelapa kering, buah kelapa, pinang dan hasil tanaman yang lainnya.²⁷ *Jalor-jalor* juga digunakan untuk membawa penumpang sebelum jalan-jalan kereta lembu dibina.

25

CLM, J. 289/1911, Petition addressed to the Commissioner of Land and Mines by Orang Kaya Abu Bakar of Padang District, 9th September, 1911.

26

Lihat Peta.

27

Sebelum merdeka *jalor-jalor* telah digunakan bukan sahaja untuk mengangkut hasil-hasil pertanian tetapi membawa penumpang-penumpang. Perhatikan makna jalor adalah berbeza dalam catatan no. 24.

Nampaknya perniagaan hasil pertanian yang dijalankan di Parit Jawa belum melibatkan pedagang-pedagang Cina pada akhir abad kesembilan belas. Namun begitu peniaga-peniaga Parit Jawa memang bermula dengan pusat-pusat perdagangan yang besar seperti Singapura dan Melaka di mana kebanyakan saudagar adalah terdiri dari kaum Cina akan tetapi di Parit Jawa orang-orang Cina menumpukan perhatian kepada perlombongan di Bukit Mor dan sebagai pekerja-pekerja di ladang-ladang orang-orang Jawa.²⁸ Perusahaan bijih ini memang menampakkan kemajuan sehingga akhbar *Singapore Daily Times* (13 Mei, 1874) melaporkan: "Johore is the most profitable of all the mining places in the Straits and places contiguous to it". Tetapi pada awal abad kedua puluh, *Straits Settlements Directory, 1904, Johore*, melaporkan, "A little tin mining is carried on in the neighbourhood of Bukit Mor (Parit Jawa)...". (Lihat Jadual 2)

JADUAL 2. Hasil Pengeluaran Timah dari Padang (Parit Jawa), 1869-1872.

Bulan/Tahun	Hasil/Pikul	Cukai/Pikul
Julai-Dis., 1869	33.60	3.06
Januari-Jun, 1870	42.15	4.22
Julai-Dis., 1870	247.17	24.72
Januari-Jun, 1871	340.01	34.00
Julai-Dis., 1871	693.68	69.26
Ogos, 1872	194.41	19.44

Sumber: Mohd. Fadzil Othman, ed., *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, 1980, h. 19.

Bilangan orang-orang Cina tidaklah begitu ramai jika dibandingkan dengan orang-orang Jawa dan kedatangan mereka juga telah digalakkan oleh orang-orang Jawa yang mengambil mereka sebagai pekerja-pekerja di ladang-ladang mereka (lihat Jadual 3).

Pada umumnya orang-orang Cina di Muar lebih berminat untuk mengusahakan ladang-ladang gambir dan lada di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sungai dan berbukti.²⁹ Parit Jawa tidak terkenal sebagai kawasan gambir dan lada yang memerlukan banyak

28

Laporan mengenai orang-orang Cina di Parit Jawa terdapat dalam tulisan Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran*, h. 18: "Maka jumlah orang-orang isi Padang itu pada masa ini: Melayu kira-kira lebih seribu orang; dan Jawa kira-kira lebih seratus orang; dan Cina kira-kira dua-tiga ratus orang. Semua ini yang duduk hampir dengan pantai; tetapi di daratnya banyak Cina-cina bangsa Khek yang bekerja timah".

29

C.A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggong and the Development of Johore and Singapore 1784-1885*, Singapore University Press, Singapore, 1979.

JADUAL 3. Barang Import Parit Jawa (Ogos 1872)

Dari	Jumlah Perahu Besar	Dagangan/Penumpang
Singapura	2	Beras, Kacang Hijau, Minyak, Tepung gandum, Nenas, Candu, Gula Kabung, Gula Merah, Gula Pasir, Garam Gula Pasir, Garam Tempayan
Melaka	17	Ayam Itik, Tong Kacang Tanah, Makanan Cina, Singkek Cina.

Sumber: Mohd. Fadzil Othman, ed., *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, 1980, h. 19.

modal dan tenaga kerja dan sewaktu Parit Jawa mula dibuka, perusahaan gambir dan lada sudah mula merosot.

Salah satu faktor penting yang menggalakkan kedatangan orang-orang Jawa ke Parit Jawa adalah ketokohan dan pimpinan Penghulu Jabar yang merupakan pengasas pembangunan sosio-ekonomi Parit Jawa. Kewibawaan (authority) Penghulu Jabar yang diiktiraf oleh peneroka-peneroka awal di samping pembantu-pembantu beliau yang setia seperti Haji Abdul Rahman 'Orang Kaya' yang bergelar *Mantri* iaitu seorang pegawai yang menguruskan hal-ehwal pembukaan tanah.³⁰ Sebagai suatu institusi kepimpinan tradisional yang dominan dalam masyarakat yang membangun, maka institusi ini telah dapat menyatupadukan penduduk-penduduk kawasannya berdasarkan sistem hubungan 'patron-client' (penaung-pelanggan) yang menggariskan kepentingan hubungan bercorak 'dyadic' (dua pihak) yang mencirikan kerjasama yang erat di antara penduduk-penduduk kampung. Menerusi beberapa tokoh pelanggan yang kuat (strategic clients), Penghulu Jabar telah berjaya membangunkan Parit Jawa dari segi sosio-ekonominya. Sementelahan Penghulu Jabar dapat dianggap sebagai seorang pemerintah yang bebas di kawasannya atau *imperium in imperio*.³¹

30

Zainal Abidin, "Parit Jawa", h. 61-62.

31

Sistem Penghulu mengandungi pembantu-pembantu institusi Penghulu seperti "Naib", "Mantri" dan "Ketua Parit". Jawatan Mantri telah tidak ketara selepas kegiatan meneroka hutan diberhentikan pada awal abad kedua puluh, teristikewa selepas perlaksanaan Undang-undang Tanah 1910. Akan tetapi jawatan Ketua Parit masih diteruskan tahun-tahun 1930-an. Lihat CI M.b 681/37, "Remuneration of Ketua Parits. Recommends that each Ketua Parit be remitted rent of land up to 10 acres on certain conditions."

Adalah perlu diberikan sedikit gambaran mengenai kedudukan sosio-politik dan pentadbiran Parit Jawa dalam konteks unit pentadbiran-politik yang dikenali sebagai Muar-Kesang pada tahun 1870-an dan 1880-an. Nampaknya hubungan pentadbiran-politik yang diadakan di antara Parit Jawa dengan pusat pentadbiran di Johor Bharu adalah sedikit sekali, sementelahan Parit Jawa sendiri sebelum 1884 merupakan pusat pentadbiran-politik yang dikuasai oleh seorang wakil Raja yang digelar Residen. Pada tahun-tahun 1860-an, Temenggong Ibrahim berkuasa di kawasan negeri Johor tetapi tidak ke atas Muar-Kesang. Setelah Temenggong Ibrahim meninggal pada tahun 1862, anaknya bernama Che Wan Abu Bakar telah menggantikan tempatnya sebagai Temenggong Johor dan mengadakan hubungan yang erat dengan peniaga-peniaga dan pegawai-pegawai British di Negeri-Negeri Selat, khususnya Singapura. Abu Bakar memang bercita-cita untuk menguasai kawasan Muar-Kesang. Dengan mengisyiharkan dirinya sebagai Maharaja Johor pada tahun 1868, beliau mula melebarkan pengaruh politiknya ke wilayah Muar-Kesang yang ditadbirkan oleh Sultan Ali (mangkat 1877) tetapi Maharaja Johor telah ditentang oleh anak Sultan Ali bernama Tengku Alam pada tahun-tahun 1879-1880.³² Mengikut cerita-cerita lisan dari orang-orang tua di Parit Jawa, Penghulu Jabar telah menyertai angkatan perang Maharaja Abu Bakar dan memainkan peranan penting menangkap Penghulu Senchu yang menyebelahi Tengku Alam.³³

Pada dasarnya kerajaan negeri mengenakan cukai eksport sebanyak lima peratus ke atas hasil tani yang dieksport keluar daerah tetapi oleh kerana kebanyakan urusan import-eksport dijalankan oleh saudagar-saudagar Cina, maka cukai ini telah dijelaskan oleh mereka. Kaum tani di desa tidak dikenakan sebarang cukai pertanian tetapi segala urusan memelihara infrastruktur adalah tanggungan mereka bersama di bawah kelolaan Penghulu masing-masing. Penghulu sebagai kuasa tertinggi di desa memastikan keadaan parit-parit, jalan-jalan raya dan bangunan awam

32

Mengenai pertikaian politik yang berlaku tentang Muar-Kesang, lihat kertas kerja Abdullah Zakaria, "Perang dan Damai: Politik Melayu Kurun Kesembilan Belas dengan Rujukan Khas kepada Perang Muar 1879-1880", Koloquium Masyarakat Melayu Abad Kesembilan Belas, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 26hb. Oktober, 1985, h. 17-20 dan *passim*.

33

Temubual dengan Haji Anuar bin Rustam, Parit Jawa, 10hb. Mei, 1986. Diucapkan terimakasih atas sumbangan buku-buku agama dan catatan-catatan awal mengenai kedatangan orang-orang Jawa termasuk datuk beliau bernama Haji Hashim bin Abdullah.

terpelihara dengan baik.³⁴ Hanya sekali sekala Sultan datang melawat secara rasmi, itupun disebabkan oleh minat baginda memburu binatang buas seperti harimau dan seladang. Hubungan Sultan dengan Penghulu adalah bercorak peribadi (inter-personal).

Sebelum perundangan dan pentadbiran tanah berdasarkan kepada Undang-Undang Tanah 1910 dilaksanakan di negeri Johor, lunas-lunas perundangan dan pentadbiran tanah adalah berlandaskan kepada adat resam (customary land tenure) yang pada hakikatnya berlunaskan kepada syariah Islam.³⁵ Sebagaimana yang telah dibicarakan sebelum ini, penguasa tertinggi yang mengendalikan pembukaan dan pemilikan tanah adalah di dalam tangan Penghulu. Akan tetapi oleh kerana institusi ini tidak dapat mengendalikan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran tanah bersendirian, maka naib dan pembantu dilantik bagi menyelesaikan masalah pembukaan dan pemilikan tanah. Penghulu akan mengeluarkan surat-surat yang dikenali sebagai ‘Akuan Penghulu’, ‘Keterangan Menebang Hutan’ dan ‘Kebenaran Berkebun’. Penghulu mendapat *ransom* atau bayaran dari pekebun-pekebun dan *kancing alas* dari orang-orang Cina yang merupakan lima peratus daripada nilai harta tanah yang diuruskan sebagai bayaran ‘levy’ ke atas ‘Akuan Penghulu’ yang dikeluarkan olehnya kepada orang-orang Cina.³⁶

Nampaknya Sultan Abu Bakar telah memberikan perhatian yang rapat terhadap pembangunan sosio-ekonomi kawasan Padang di mana Parit Jawa merupakan sebahagian yang penting pada tahun-tahun 1890-an apabila suatu jalan keretapi ringan telah dibina. Parit Jawa telah dilihat sebagai suatu kawasan hasil pen-

34

CLM.J. 289/1911, Surat Orang Kaya Abu Bakar bin Bedu kepada Commissioner of Land and Mines, Johore, 8hb. Ramadhan 1329.

35

Masalah pentadbiran dan perundangan tanah di negeri-negeri Melayu telah diuraikan dalam sebuah kertaskerja penulis bertajuk “Ciri-ciri pentadbiran dan perundangan tanah di Negeri-negeri Melayu (Trengganu, Kedah dan Johor) sebelum kedatangan Penjajah,” yang telah dibentangkan di Bengkel Penggubalan Kanun Tanah Negara Baru pada 2hb. hingga 6hb. Disember, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

36

Surat-surat tersebut masih dirujuk dalam urusan mengenai tanah sebelum dan selepas Undang-undang Tanah 1910 dilaksanakan. Lihat misalnya, CLM.J. 47/10, “Surat Kebenaran Berkebun”, 19hb. Mac, 1910; CLM.J. 965/1936, Application for about 35 acres of land at Parit Jawa.

dapatkan yang berpotensi besar.³⁷ Kisah pembinaan jalan keretapi yang dikenali sebagai ‘Muar State Railway’ tidak perlu diperinci di sini, memadailah sekiranya kepentingannya ditonjolkan dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi kawasan pertanian tanah paya dan gambut yang menyisir pantai barat laut negeri Johor. Sungguhpun panjang relnya kira-kira 16.5 kilometer dan luas relnya kurang dari satu meter tetapi selama lebih daripada tiga dekad keretapi ini telah memusatkan pembangunan sosio-ekonomi kawasan Padang di samping menghubungkan Parit Jawa dengan pusat-pusat perkampungan yang lainnya.³⁸

Kemajuan Parit Jawa telah menarik lebih banyak keluarga-keluarga tani Jawa untuk membuka kebun dan ladang bagi menghasilkan komoditi pasaran ekonomi dunia. Jumlah penduduk di kawasan Parit Jawa pada 1890-an yang berasal dari keturunan suku bangsa Jawa agak sukar diperinci dengan tepat. Namun begitu ada anggaran jumlah penduduk yang menyatakan bahawa jumlah penduduk kaum tani termasuk nelayan di sekitar Padang adalah kira-kira 10,000 orang pada tahun 1890 dan dari jumlah itu kira-kira sepuluh peratus atau 1,000 tinggal di Parit Jawa.³⁹

Suatu hal yang harus diingat dalam perbincangan mengenai pertumbuhan sosio-ekonomi kaum tani di kawasan Parit Jawa ialah kewujudan arus-arus penghijrahan yang berhubungkait dengan pasang-surut harga-harga pasaran komoditi. Di samping itu perlu juga diingat bahawa kedatangan orang-orang Jawa adalah atas keazaman mereka untuk mencari dan mengumpulkan wang bagi keperluan menunaikan fardu haji ke Mekah dan kembali semula ke Pulau Jawa melalui pelabuhan Singapura.⁴⁰ Pendek kata Parit Jawa telah juga dijadikan tempat bermastautin sementara mencari rezeki dan wang perbelanjaan bagi orang-orang Jawa yang bercita-cita menunaikan fardu haji tetapi tidak mungkin memperolehi sumber pendapatan yang stabil di tempat-tempat asal mereka.

³⁷

Lihat Abdul Malik bin Munip, *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Pribumi dan Pemodenan*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

³⁸

State Secretary, District of Muar, Johor, 1886-1891, (SSMD.J.) Surat Dato' Menteri kepada Residen Muar, 11th July, 1889 yang telah dipetik oleh Shukor, *Muar*, h. 66.

³⁹

Lihat Eunice Thio, “British Policy Towards Johor,” *JMBRAS*, 40:1, 1967, p. 16.

⁴⁰

Kerajinan peneroka-peneroka Jawa telah dirakamkan dalam SAR., *passim*. Rekod-rekod Inggeris juga telah mencatatkan tentang sifat-sifat positif yang lain seperti berjimat cermat dan tekun berusaha, lihat misalnya, *The Settlements Government Gazette*, 11th July, 1890, Vol. 11, No. 18, p. 358. Sebaliknya ada

Menjelang awal abad kedua puluh terdapat suatu fenomena sosio-ekonomi yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada pekerja tani tidak lagi berminat untuk tinggal lama di Parit Jawa disebabkan mereka tidak berpeluang memiliki kebun sendiri dan sanggup menerima upah yang sedikit dari pemilik-pemilik kebun asalkan pemilik-pemilik kebun sanggup membahagikan separuh (mengikut perjanjian bahagi dua) ke atas hasil tanaman yang diusahakan. Walaupun petani-petani yang tidak berpeluang memiliki kebun terpaksa kembali ke Pulau Jawa apabila cita-cita mereka tercapai, namun pengalaman mereka sebagai petani-petani yang berjaya dapat dilambangkan dengan serban haji apabila mereka bertemu kembali dengan sanak saudara di tempat asal mereka masing-masing. Mereka akan memberitahu saudara mara dan sahabat handai betapa mudahnya tinggal di seberang (Parit Jawa) iaitu mereka boleh mendapat wang dengan hanya ‘melenggang tangan’ (bermaksud menebas dan membersihkan kebun).⁴¹ Bagi petani-petani Jawa yang lebih awal sampai ke Parit Jawa dan menjadi peneroka-peneroka, mereka sudah menjadi pemilik-pemilik kebun dan ladang dan kebanyakan mereka telah berharta. Kategori kedua ini merupakan pelawat-pelawat yang menziarahi sanak saudara dan sahabat handai tetapi terpaksa menetap di Parit Jawa kerana mereka telah berumahtangga, berkampung halaman dan berazam membentuk keluarga-keluarga tani yang berjaya.⁴²

juga penulis-penulis sejarah yang akhir-akhir ini menunjukkan sifat-sifat negatif orang Jawa seperti gemar berhutang dan berbelanja secara boros sehingga menyebabkan mereka menjadi buruh kontrak dan orang berhutang. Lihat D.J.M. Tate, *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara: Perubahan Ekonomi dan Sosial*, Jil. 2, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1980, h. 46-50. Mengenai kecenderungan-kecenderungan orang-orang Jawa yang negatif pula, lihat misalnya, Marbangun Hadijawirojo, *Manusia Jawa*, Jakarta, 1983, Prakata. Mengenai latarbelakang sejarah orang-orang Jawa yang menandatangani perjanjian dengan badan-badan penaung orang-orang Cina di Singapura untuk menjadi buruh-buruh di merata-rata Tanah Melayu, lihat W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malay Press, Kuala Lumpur, 1967, p. 37.

41

Temubual dengan Tuan Haji Bahari, bekas Guru Agama, lahir pada tahun 1919, Batu 8½, Jalan Temenggong Ahmad, Parit Jawa, pada 14hb. Mei dan 12hb. Jun, 1986.

42

SAR, *passim*.